



PRODUCT DISCLOSURE SHEET

(Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to take up A-Essential Home. Be sure to also read the general terms and conditions of the sample policy contract where applicable.)

AIA General Berhad

A-ESSENTIAL HOME

Date: April 1, 2024

Name	:	_____
Occupation	:	_____ Date of Birth : _____ / _____ / _____
Location of Risk	:	_____
	:	_____
Construction of building: Class 1A	:	Wall-bricks/concrete, Roof-tiles/concrete/zinc/asbestos

1. What is this product about?

This is a package insurance which is specially designed to protect your property and your personal wealth. It protects your home, your personal contents and also your personal liability against third party.

2. What are the covers/benefits provided?

The policy covers provided are divided into Sections and you have the choice to insure the Section(s) that suits your needs. The divided Sections are:

SECTION 1 – HOUSEOWNERS INSURANCE

This policy provides cover for loss or damage to your Building caused by any of the following Insured Events.

- Fire and Lightning
- Explosion
- Aircraft and Other Aerial Devices and/or articles dropped therefrom.
- Impact with any of the buildings by any road vehicle or animals not belonging to or under the control of you or your family member.
- Bursting or Overflowing of Domestic Water Tanks, Apparatus or Pipes.
- Theft, but only if accompanied by actual forcible and violent breaking into or out of a building or any such attempt.
- Hurricane, Cyclone, Typhoon, Windstorm
- Earthquake, Volcanic Eruption
- Flood
- Robbery and hold up in the premises of Your property.
- Riot, Strike and Malicious Damage.

Additional rates are charged for the following extension of benefits

- Subsidence and Landslip
- Plate Glass accidental damage
- Hurricane, cyclone, typhoon or windstorm damage to outdoor fixtures and fittings
- Alterations, repairs and additions

SECTION 2 – HOUSEHOLDERS INSURANCE

This policy provides cover for loss or damage to your Contents caused by the similar Insured Events as Section 1 - Houseowners insurance.

Additional benefits provided to you without any additional premium.

- Contents Temporarily Removed from your Private Dwelling but within Malaysia up to 15% of the Total Sum Insured on Contents.
- Breakage of Mirrors excluding hand mirrors up to RM500.00 per piece any one accident.
- Compensation for Death caused by thieves or by fire up to RM10,000.
- Servants Property such as clothing and personal effects but excluding cash, currency notes, bank notes and stamps.
- Rent insurance. We pay up to 10% of total sum insured for loss of rental or rental incurred caused by the insured peril. This benefit is in addition to the Total Sum Insured stated in the policy.
- Liability to the Public limited to RM50,000 any one accident.
- Cash Assist in the event of Fire, Flood, Earthquake, Volcanic Eruption or other Convulsion of Nature, Hurricane, Typhoon, Windstorm or Cyclone if you cannot live in your home. Limit RM500 for any one incident.
- Freezer Foods. The Company will pay for the cost of replacing foods spoiled due to refrigerator breakdown. Limited to RM500 in any one period of insurance. The first RM50 of each loss or damage is not covered.
- Locks and Keys Replacement due to theft. Limit RM500 for any one incident.
- Automatic protection on newly purchased items up to a maximum of RM20,000 provided notification is given to us within 30 days of the date such items are paid or delivered.

- Loss of cash due to Fire or Theft from your premises. Limited to RM500 in any one period of insurance.
- Reinstatement Value on damaged insured items due to any insured perils excluding carpet and other floor coverings, clothing or footwear, spectacles, curtains, household linen, sporting equipment, toys, kitchenware and utensils. The reinstatement value payable shall not be superior to the insured items when new.

SECTION 3 – ‘ALL RISKS’ INSURANCE

This section covers your jewellery and valuables against fire, theft and accidental loss or damage both in the home and elsewhere in Malaysia or temporary visit overseas.

Purchase receipts and/or other means of establishing value documents are required to be submitted before cover commence.

SECTION 4 – PERSONAL LIABILITY

This section covers you and your family living with you against claims for personal negligence committed in Malaysia or temporary visit overseas e.g. causing an accident whilst cycling, playing games or due to defects in your dwelling.

Note:

- Duration of cover is for one year. You need to renew your insurance policy annually.*
- For the ratings, please refer to the sales brochure.*

3. How much premium do I have to pay?

The total premium that you have to pay may vary depending on the underwriting requirements of the insurance company:

Premium computation:			
1.	Houseowner - HO	: Sum Insured RM_____x _____%	: RM
2.	Householder - HHI	: Sum Insured RM_____(refer table*)	: RM
	Additional perils (if any)		
	- HO	: Sum Insured RM_____x _____%	: RM
	- HHI	: Sum Insured RM_____x _____%	: RM
3.	All Risks	: Sum Insured RM_____(refer table*)	: RM
4.	Personal Liability	: Sum Insured RM_____(refer table*)	: RM
		Sub-total	: RM
Add:	Applicable Government Tax		: RM
	Stamp Duty		: RM 10.00
	The estimated total premium that you have to pay is		: RM_____

4. What are the fees and charges that I have to pay?

<u>Types</u>	<u>Amount</u>
Commissions paid to the insurance agent	: 15% of premiums
Stamp Duty	: RM10.00
Applicable Government Tax	: The premiums amount payable is subject to the applicable tax imposed by the Government of Malaysia at the prevailing rate.

* Effective 1 January 2022 to 31 December 2025, stamp duty for policy issued to an Individual Owner with total annual premium of RM150 and below is waived in accordance with the STAMP DUTY (EXEMPTION) (NO. 16) ORDER 2021; to Corporate Owner qualified as micro, small and medium enterprises with total annual premium of RM250 and below is waived in accordance with the STAMP DUTY (EXEMPTION) (NO. 15) ORDER 2021.

Note:

- Payment of Premium** - Payment must be paid and received by the company within 60 days from the inception date of the cover, otherwise the cover is automatically cancelled and you will still be responsible to pay the proportion of premium for the 60 days.

It is advisable that you pay your premium directly to the Company, either by cash, credit card or through our approved internet banking facility. We encourage our customers to make payment electronically using our approved cashless payment methods as a secure alternative to cash payments.
- Official Receipt** - Always insist for an official receipt for the premium paid and keep it as proof of your premium payment.

5. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

a) **Duty of Disclosure** – You must give all the facts in your application form and during renewal, fully and faithfully. You must ensure that your property is insured at the appropriate amount and you should also disclose fully all material facts, eg any previous claims, occupation, etc.

- **Consumer Insurance Contract**

Pursuant to Paragraph 5 of Schedule 9 of the Financial Services Act 2013, if you are applying for this Insurance wholly for purposes unrelated to your trade, business or profession, you have a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this insurance). You must answer the questions fully and accurately.

Failure to take reasonable care in answering the questions may result in avoidance of your contract of insurance, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of insurance.

The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of insurance is entered into, varied or renewed with us.

In addition to answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this insurance), you are required to disclose any other matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied.

You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of insurance has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when you applied for this insurance) is inaccurate or has changed.

- **Non-Consumer Insurance Contract**

Pursuant to Paragraph 4(1) of Schedule 9 of the Financial Services Act 2013, if you are applying for this Insurance for a purpose related to your trade, business or profession, you have a duty to disclose any matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied and any matter a reasonable person in the circumstances could be expected to know to be relevant, otherwise it may result in avoidance of your contract of insurance, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of insurance.

The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of insurance is entered into, varied or renewed with us.

You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of insurance has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when you applied for this insurance) is inaccurate or has changed.

b) **Insured Value/Sum Insured** – Ensure your property is adequately insured at all times, and take into account the renovations and enhancements made to your property. If you wish to get the estimated rebuilding cost of your property to estimate the sum insured, you may use the Building Cost Calculator (BCC) on PIAM's website at the following link <http://www.piam.org.my/consumer/industry/buildingcost-calculator-bcc/> and complete the questionnaires. Please inform the Company if you wish to revise the sum insured. Any revision to the sum insured is subject to the company's approval.

You should also decide on the basis of compensation for loss/damage to your property, whether it is on an indemnity or reinstatement basis, and the sum insured will depend on the choice. For reinstatement basis, the sum insured should cover the cost of rebuilding your property in the event of loss/damage. You may need to seek the advice of a professional property valuer to know the estimated value of your property.

If your property is under financing and insured by the financier, you should make sure that the property is adequately insured. Usually, the coverage arranged by your financier will be for the amount of loan taken. You may therefore, want to take up additional insurance cover to better protect your interest.

When purchasing a householder policy, you must ensure that the sum insured reflects the coverage needed to replace all the contents in your property. You must also declare items that you want to insure specifically to ensure that you get the full compensation in the event of their loss/damage. You may also take additional coverage for valuable items such as artwork, jewellery, antiques or collectibles. It is also important to keep documents that show the proof of ownership and the value of items insured, for example, purchase receipts. Photographs of your valuable items if available, may also be very helpful in the event of a claim.

c) **Average Condition** – If the amount insured in your insurance policy is less than the rebuilding cost (i.e. under-insurance), you are deemed to be self-insuring the difference. The average condition will apply in the event of a claim.

Example:

The total cost to rebuild a house is RM100,000, the sum insured is RM80,000 and the loss is RM5,000. The average condition will be calculated as follows:

$\frac{\text{Sum Insured}}{\text{Rebuilding cost}} \times \text{Loss} = \text{Amount Paid}$
 $\frac{\text{RM80,000}}{\text{RM100,000}} \times \text{RM5,000} = \text{RM4,000}$

Rebuilding cost : RM100,000

In the above example, the insurance company will only pay RM4,000 instead of RM5,000 for the loss. You have to bear the difference of RM1,000.

d) **Responsibility for Purchase of Insurance** – If you are buying a property from a developer and the property is under the construction stage, the insurance of the property is the responsibility of the developer. You only need to insure the property upon receipt of vacant possession from the developer.

For properties with strata titles such as flats, apartments and condominiums, it is mandatory for the Management Corporation (MC) to purchase fire insurance for the whole building. The individual unit owner is required to pay to the MC his/her respective premium portion. At the same time, if the unit is purchased through a loan, the financier would normally require the unit owner (borrower) to obtain an insurance policy for the unit, leading to a situation of double insurance.

However, if you have obtained the loan from a financial institution under Bank Negara Malaysia's supervision, borrowers will not be required to buy another insurance policy for their units. Instead, these financial institutions will accept the insurance policy already purchased by the MC subject to certain terms and conditions. In this instance, you need to obtain the individual certificate of the master policy from the MC and present it to your financial institution as evidence of insurance. If your loan is not from a financial institution under the supervision of Bank Negara Malaysia, you can negotiate with the institution concerned.

e) Settlement of Claims

The compensation amount depends on the basis of the cover.

- Indemnity basis will pay the cost of repairing the damaged building less the amount for wear, tear and depreciation; or
- Reinstatement value basis will pay the full cost of repairing the damaged building without any deductions being made for wear, tear or depreciation, provided that the sum covered is adequate to cover the total cost of reinstating the building.

In the absence of any special provision, the cover will be on indemnity basis. If you want to be covered on reinstatement basis, your policy should have the relevant clause attached to it.

*Excesses are applicable for certain perils, such as overflowing of domestic water tanks, windstorm, earthquake and flood claims.

*Excesses means the amount that you will have to pay before the company indemnifies you.

Making a claim

- a. Notify the company immediately
- b. You must take the necessary measures to mitigate further loss or worsening of the situation.
- c. You must submit your claim with all supporting information and documents to the company.
- d. Give full cooperation to the adjusters/investigators appointed by the company in assessing your claim
- e. For any liability claim, you should never commit to any settlement on behalf of the company.

Note:

- i If you do not receive the insurance policy after one (1) month from date of purchase, please contact the insurance company.
- ii Please note that this limitations, terms and conditions as stated in this Product Disclosure Sheet are not exhaustive. Please refer to the Policy Contract for detailed benefits, limitations, terms and conditions. The contents of the Policy Contract shall prevail if there are any discrepancies between the Product Disclosure Sheet and the Policy Contract.

6. What are the major exclusions under this policy?

General Exclusions applicable to Section 1 & 2 Houseowner & Householders

- a. war, invasion, mutiny, military or popular rising, insurrection, rebellion, revolution, military or usurped power, martial law or state of siege
- b. Act of terrorism
- c. confiscation, commandeering, requisition or destruction by the Government or any public municipal or local authority
- d. nuclear weapons material, ionizing radiations or contamination by radioactivity
- e. its own fermentation, natural heating or spontaneous combustion
- f. consequential loss of any kind
- g. hurricane, cyclone, typhoon or windstorm to any buildings in course of construction, reconstruction or repair
- h. subsidence or landslide

Liability arising out of:

- a. the Insured's profession or business
- b. ownership, possession or usage of any lift, vehicle, vessel or craft
- c. the carrying out of alterations, additions, repairs or decorations to the premises
- d. contractual liability

Exclusion to Section 3 - All Risks

- Wear and tear, depreciation, gradual deterioration, vermin or from any process of cleaning or restoring any articles.
- War, act of terrorism, civil commotion and radioactivity.
- Confiscation or detention by customs or other official authorities.
- Mechanical & electrical derangement, scratching, breakage of lenses or glass

Exclusion to Section 4 - Personal Liability Benefit

- Liability assumed under contract and/or agreement
- Claims against you by your family members
- Claims made by your employees for accidents arising in the course of employment
- Liability in respect of damage to property held under your care, control or custody
- Liability arising from the use of vehicles (other than hand-propelled vehicles or pedals cycles not being used for racing) boats (sailing or mechanically propelled) aircraft or model aircraft owned by or in the custody or control of the Insured or his servants.

Territorial Limit - Malaysia and elsewhere in the world during temporary visits excluding United States of America and Canada.

Note:

This list is non-exhaustive. Please refer to the Policy Contract for the full list of exclusions under this policy.

7. Can I cancel my policy?

Yes, you may cancel your policy by giving written notice to the company. Upon cancellation, you are entitled to a partial refund of the premium provided you have not made a claim.

8. What do I need to do if there are changes to my company details?

It is important that you inform the company of any change in your personal details such as your change of address so that we can keep you informed of important information. You should also notify us of any renovation made to your building inclusive of the occupancy.

9. Where can I get further information?

Should you require additional information about houseowner / householder insurance, please visit www.insuranceinfo.com.my or visit our website at AIA.COM.MY. For further information on claims procedures, please refer to AIA website.

If you have any enquiries, please contact AIA General Berhad at:

AIA General Berhad 201001040438 (924363-W)
Menara AIA
99 Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur.
Care Line: 1 300 88 1899
E-mail: my.customer@aia.com

AIA General Berhad is licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.

10. Other types of insurance cover available:

Please ask AIA or AIA's agent for other similar types of cover offered by AIA General Berhad.

IMPORTANT NOTICE:

YOU MUST ENSURE THAT YOUR PROPERTY IS INSURED AT THE APPROPRIATE AMOUNT. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE INSURANCE POLICY AND DISCUSS WITH YOUR AGENT OR CONTACT THE INSURANCE COMPANY DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

The benefit(s) payable under eligible policy/product is(are) protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") up to limits. Please refer to PIDM's Takaful and Insurance Benefits Protection System ("TIPS") Brochure or contact AIA General Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

This information provided in this disclosure sheet is valid as at April 1, 2024.



LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil A-Essential Home. Sila pastikan anda juga membaca semua terma-terma dan syarat-syarat am daripada kontrak polisi jika berkenaan.)

AIA General Berhad

A-ESSENTIAL HOME

Tarikh: April 1, 2024

Nama	:	_____
Pekerjaan	:	_____ Tarikh Lahir : ____/____/____
Lokasi Risiko	:	_____
	:	_____
Pembinaan bangunan: Kelas 1A	:	Bata dinding/konkrit, Jubin bumbung / konkrit / zink / asbestos

1. Apakah produk ini?

Ini adalah pakej insurans yang direka khas untuk melindungi harta benda anda dan kekayaan peribadi anda. Ia melindungi rumah anda, kandungan peribadi anda dan juga liabiliti peribadi anda terhadap pihak ketiga.

2. Apakah perlindungan/ manfaat yang disediakan?

Perlindungan polisi yang disediakan dibahagikan mengikut Seksyen dan anda mempunyai pilihan untuk menginsuranskan Seksyen yang sesuai dengan keperluan anda. Seksyen yang dibahagikan adalah:

SEKSYEN 1 – INSURANS EMPUNYA RUMAH

Polisi ini menyediakan perlindungan untuk kerugian atau kerosakan pada Bangunan anda yang disebabkan oleh mana-mana Kejadian yang Diinsuranskan seperti berikut.

- Kebakaran dan Kilat
- Letupan
- Pesawat dan Peranti Udara Lain dan/atau barang yang gugur daripadanya.
- Impak dengan mana-mana bangunan disebabkan oleh mana-mana kenderaan di jalan raya atau haiwan yang bukan kepunyaan atau di bawah kawalan anda atau ahli keluarga anda.
- Pecah atau Melimpahnya Tangki Air, Alat atau Paip Air Domestik.
- Kecurian, tetapi hanya jika disertakan dengan pecah masuk dan keluar dari bangunan menggunakan paksaan dan kekerasan atau sebarang percubaan sedemikian.
- Hurikan, Siklon, Taufan atau Angin Ribut
- Gempa Bumi, Letupan Gunung Berapi
- Banjir
- Rompakan dan penahanan di dalam harta premis Anda.
- Rusuhan, Mogok dan Kerosakan Berniat Jahat.

Kadar tambahan dikenakan untuk lanjutan manfaat berikut

- Penanggalaman dan Gelinciran Tanah
- Kerosakan kepada Kepingan Kaca
- Kerosakan pada lekapan dan kelengkapan luar akibat hurikan, siklon, taufan atau angin ribut
- Perubahan, pembaikan dan penambahan

SEKSYEN 2 – INSURANS ISI RUMAH

Polisi ini menyediakan perlindungan untuk kerugian atau kerosakan pada Kandungan anda yang disebabkan oleh Kejadian yang Diinsuranskan yang serupa dengan Seksyen 1 - Insurans Empunya Rumah

Manfaat tambahan diberikan kepada anda tanpa sebarang premium tambahan.

- Isi Kandungan Yang Dipindahkan Sementara daripada Kediaman Persendirian anda tetapi masih dalam Malaysia sehingga 15% daripada Keseluruhan Jumlah Diinsuranskan ke atas Isi Kandungan Rumah.
- Kerosakan pada Cermin Kaca tidak termasuk cermin tangan sehingga RM500.00 sekeping bagi mana-mana satu kemalangan.
- Pampasan terhadap Kematian akibat kecurian atau kebakaran sehingga RM10,000.

- Harta Pembantu Rumah seperti pakaian dan barangan peribadi tetapi tidak termasuk wang tunai, matawang kertas, nota bank dan setem.
- Insurans Sewa. Kami membayar sehingga 10% daripada jumlah yang diinsuranskan untuk kerugian sewa atau sewa yang ditanggung disebabkan oleh peril yang diinsuranskan. Manfaat ini terdapat dalam tambahan kepada Keseluruhan Amaun Diinsuranskan yang dinyatakan dalam polisi.
- Liabiliti kepada Awam terhad kepada RM50,000 bagi mana-mana satu kemalangan.
- Bantuan Tunai sekiranya berlaku Kebakaran, Banjir, Gempa Bumi, Letusan Gunung Berapi atau Kejadian Mengejut Alam yang lain, Hurikan, Taufan, Angin Ribut atau Siklon jika anda tidak boleh tinggal di rumah anda. Had RM500 bagi mana-mana satu kejadian.
- Makanan Sejuk Beku. Syarikat akan membayar kos menggantikan makanan yang rosak akibat kerosakan peti sejuk. Terhad kepada RM500 dalam mana-mana satu tempoh insurans. RM50 pertama bagi setiap kehilangan atau kerosakan tidak dilindungi.
- Kunci dan Penggantian Kunci akibat kecurian. Terhad kepada RM500 untuk satu kejadian.
- Perlindungan automatik pada item yang baru dibeli sehingga maksimum RM20,000 dengan syarat pemberitahuan diberikan kepada kami dalam tempoh 30 hari dari tarikh item tersebut dibayar atau dihantar.
- Kehilangan wang tunai akibat Kebakaran atau Kecurian dari premis anda. Terhad kepada RM500 dalam mana-mana satu tempoh insurans.
- Nilai Penggantian Semula ke atas barangan yang rosak akibat perils yang diinsuranskan tidak termasuk permaidani dan alas lantai lain, pakaian atau kasut, cermin mata, langsir, linen rumah, peralatan sukan, mainan, peralatan dapur dan perkakas. Nilai penggantian semula yang perlu dibayar tidak akan lebih tinggi daripada item yang diinsuranskan apabila baru.

SEKSYEN 3 – ‘SEMUA RISIKO’ INSURANS

Seksyen ini melindungi barang kemas dan barang berharga anda terhadap kebakaran, kecurian dan kehilangan atau kerosakan yang tidak disengajakan di dalam rumah dan di tempat lain di Malaysia atau lawatan sementara ke luar negara.

Resit pembelian dan/atau dokumen lain yang boleh menetapkan nilai perlu diserahkan sebelum perlindungan bermula.

SEKSYEN 4 – LIABILITI PERIBADI

Seksyen ini melindungi anda dan keluarga anda yang tinggal bersama anda terhadap tuntutan atas kecuaiian peribadi yang dilakukan di Malaysia atau lawatan sementara ke luar negara contohnya; menyebabkan kemalangan semasa berbasikal, bermain permainan atau disebabkan kerosakan di tempat tinggal anda

Nota:

- Tempoh perlindungan adalah selama satu tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun
- Untuk penilaian, sila rujuk risalah jualan.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung pada keperluan pengunderaitan syarikat insurans:

Pengiraan Premium:			
1.	Empunya Rumah - HO	: Jumlah Diinsuranskan RM _____ x _____% :	RM
2.	Isi Rumah - HHI	: Jumlah Diinsuranskan RM _____ (rujuk jadual*) :	RM
	Perils tambahan (jika ada)	: Jumlah Diinsuranskan RM _____ x _____% :	RM
	- HO	: Jumlah Diinsuranskan RM _____ x _____% :	RM
	- HHI		
3.	Semua Risiko	: Jumlah Diinsuranskan RM _____ (rujuk jadual*) :	RM
4.	Liabiliti Peribadi	: Jumlah Diinsuranskan RM _____ (rujuk jadual*) :	RM
		Jumlah kecil :	RM
Tambah:	Cukai Kerajaan yang Berkenaan		: RM
	Duti Setem		: RM 10.00
	Anggaran jumlah premium yang anda perlu bayar ialah		: RM _____

4. Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

<u>Jenis</u>	<u>Amaun</u>
Komisen yang dibayar kepada ejen insurans	15% daripada premium
Duti Setem	RM10.00
Cukai Kerajaan yang Berkenaan	Jumlah premium yang perlu dibayar tertakluk kepada cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada kadar semasa.

* Berkuat kuasa 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2025, duti setem bagi polisi yang dikeluarkan kepada Pemilik Individu dengan jumlah premium tahunan RM150 dan ke bawah dikecualikan mengikut PERINTAH DUTI SETEM (PENGEQUALIAN) (NO. 16) 2021; kepada Pemilik Korporat yang berkelayakan sebagai perusahaan mikro, kecil dan sederhana dengan jumlah premium tahunan RM250

dan ke bawah dikecualikan mengikut PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 15) 2021.

Nota:

- i. **Pembayaran Premium** – Pembayaran mesti dijelaskan dan diterima oleh syarikat dalam tempoh 60 hari dari tarikh bermulanya perlindungan, jika tidak, perlindungan secara automatik dibatalkan dan anda masih bertanggungjawab untuk membayar bahagian premium selama 60 hari itu.

Anda dinasihatkan untuk membayar premium anda terus kepada syarikat, sama ada secara tunai, kad kredit, atau melalui kemudahan perbankan internet yang diluluskan oleh kami. Kami menggalakkan pelanggan kami untuk membuat pembayaran secara elektronik menggunakan kaedah pembayaran tanpa tunai yang diluluskan oleh kami sebagai alternatif yang selamat kepada pembayaran tunai.

- ii. **Resit Rasmi** - Sentiasa tekankan untuk mendapatkan resit rasmi bagi premium yang dibayar dan simpan sebagai bukti pembayaran premium anda.

5. Apakah di antara terma-terma dan syarat-syarat utama yang patut saya ketahui?

- a) **Kewajipan Pendedahan** – Anda perlu memberikan semua fakta dalam borang permohonan anda dan semasa pembaharuan dengan lengkap dan jujur. Anda mesti memastikan bahawa harta anda diinsuranskan pada jumlah yang sesuai dan anda juga harus mendedahkan sepenuhnya semua fakta material, contohnya sebarang tuntutan, pekerjaan, dan lain-lain.

• **Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

• **Kontrak Insurans Komersial**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan, dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan (atau apabila anda memohon insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

- b) **Nilai Diinsuranskan/Jumlah Diinsuranskan** – Pastikan harta anda diinsuranskan secukupnya pada setiap masa, dan mengambil kira pembaharuan dan penambahbaikan yang dibuat kepada harta anda. Jika anda ingin mendapatkan anggaran kos pembinaan semula harta anda untuk menentukan jumlah diinsuranskan, anda boleh menggunakan Building Cost Calculator (BCC) di laman web PIAM di pautan berikut <http://www.piam.org.my/consumer/industry/buildingcost-calculator-bcc/> dan lengkapkan soal selidik. Sila maklumkan kepada Syarikat jika anda ingin mengemaskini jumlah yang diinsuranskan. Sebarang pengemaskinian kepada jumlah diinsuranskan adalah tertakluk kepada kelulusan syarikat.

Anda juga perlu membuat keputusan atas dasar pampasan bagi kerugian/kerosakan harta benda anda, sama ada atas dasar indemniti atau pengembalian semula, dan jumlah yang diinsuranskan akan bergantung pada pilihan tersebut. Untuk dasar pengembalian semula, jumlah yang diinsuranskan hendaklah meliputi kos membina semula harta benda anda sekiranya berlaku kerugian/kerosakan. Anda mungkin perlu mendapatkan nasihat penilai hartanah profesional untuk mengetahui anggaran nilai harta anda.

Jika harta anda di bawah pembiayaan dan diinsuranskan oleh pembiaya, anda harus memastikan bahawa harta itu diinsuranskan dengan secukupnya. Biasanya, perlindungan yang diatur oleh pembiaya anda adalah untuk jumlah pinjaman yang diambil. Oleh itu, anda mungkin ingin mengambil perlindungan insurans tambahan untuk melindungi kepentingan anda dengan lebih baik.

Apabila membeli polisi isi rumah, anda perlu memastikan bahawa jumlah yang diinsuranskan mencerminkan perlindungan yang diperlukan untuk menggantikan semua kandungan dalam harta tanah anda. Anda juga harus mengisytiharkan barang-barang yang anda ingin insuranskan secara khusus untuk memastikan anda mendapat pampasan penuh sekiranya berlaku kerugian/kerosakan. Anda juga boleh mengambil perlindungan tambahan untuk barangan berharga seperti karya seni, barangan kemas, barangan antik atau barang koleksi. Penting juga untuk menyimpan dokumen yang menunjukkan bukti pemilikan dan nilai barang yang diinsuranskan, sebagai contoh, resit pembelian. Gambar barang berharga anda, jika ada, mungkin juga sangat membantu sekiranya berlaku tuntutan.

- c) **Keadaan Purata** – Jika jumlah yang diinsuranskan dalam polisi insurans anda kurang daripada kos pembinaan semula (iaitu di bawah insurans yang mencukupi), anda dianggap sebagai menginsuranskan sendiri perbezaan itu. Keadaan purata akan terpakai sekiranya berlaku tuntutan.

Contoh:

Jumlah kos untuk membina semula rumah ialah RM100,000, jumlah diinsuranskan ialah RM80,000 dan kerugian RM5,000.

Keadaan purata akan dikira seperti berikut:

Jumlah Diinsuranskan : RM80,000 x Kerugian : RM5,000 = RM4,000

Kos pembinaan semula : RM100,000

Dalam contoh di atas, syarikat insurans hanya akan membayar RM4,000 dan bukannya RM5,000 untuk kerugian. Anda perlu menanggung perbezaan RM1,000.

- d) **Tanggungjawab untuk Pembelian Insurans** – Jika anda membeli hartanah daripada pemaju dan hartanah tersebut masih dalam pembinaan, insurans hartanah adalah tanggungjawab pemaju. Anda hanya perlu menginsuranskan harta tersebut setelah menerima milikan kosong daripada pemaju.

Bagi hartanah dengan hak milik strata seperti rumah pangsa, pangsapuri dan kondominium, Management Corporation (MC) wajib membeli insurans kebakaran untuk keseluruhan bangunan. Pemilik unit individu dikehendaki membayar kepada MC bahagian premium masing-masing. Pada masa yang sama, jika unit dibeli melalui pinjaman, pembiaya biasanya memerlukan pemilik unit (peminjam) untuk mendapatkan polisi insurans untuk unit tersebut, yang membawa kepada situasi insurans berganda.

Walau bagaimanapun, jika anda telah mendapat pinjaman daripada institusi kewangan di bawah pengawasan Bank Negara Malaysia, peminjam tidak akan dikehendaki membeli polisi insurans lain untuk unit mereka. Sebaliknya, institusi kewangan ini akan menerima polisi insurans yang telah dibeli oleh MC tertakluk kepada terma dan syarat tertentu. Dalam keadaan ini, anda perlu mendapatkan sijil individu bagi polisi induk daripada MC dan mengemukakan kepada institusi kewangan anda sebagai bukti insurans. Jika pinjaman anda bukan daripada institusi kewangan di bawah pengawasan Bank Negara Malaysia, anda boleh berunding dengan institusi berkenaan.

- e) **Penyelesaian Tuntutan**

Jumlah pampasan bergantung kepada asas perlindungan.

- Asas indemniti akan membayar kos pembaikan bangunan yang rosak dikurangkan jumlah untuk haus, lusuh dan susut nilai; atau
- Asas nilai pengembalian semula akan membayar kos penuh untuk membaiki bangunan yang rosak tanpa sebarang potongan dibuat untuk haus, lusuh atau susut nilai, dengan syarat jumlah perlindungan adalah mencukupi untuk menampung jumlah kos memulihkan bangunan secara keseluruhan.

Sekiranya tiada peruntukan khas, perlindungan akan dibuat atas dasar indemniti. Jika anda ingin dilindungi berdasarkan asas pengembalian semula, polisi anda harus mempunyai klausa yang berkaitan yang dilampirkan padanya.

*Pengecualian adalah terpakai untuk beberapa risiko tertentu, seperti limpahan tangki air domestik, angin ribut, gempa bumi dan tuntutan banjir.

*Pengecualian bermaksud jumlah yang anda perlu bayar sebelum syarikat memberikan pampasan kepada anda.

Membuat tuntutan

- a. Beri notis kepada syarikat dengan segera.
- b. Anda perlu mengambil langkah-langkah yang diperlukan untuk mengurangkan kerugian lanjut atau menyebabkan keadaan yang semakin teruk.
- c. Anda perlu mengemukakan tuntutan beserta semua maklumat dan dokumen sokongan kepada syarikat.
- d. Beri kerjasama penuh kepada penyelaras/penyiasat yang dilantik oleh syarikat dalam menilai tuntutan anda.
- e. Untuk sebarang tuntutan liabiliti, anda tidak boleh melakukan sebarang penyelesaian bagi pihak syarikat.

Nota:

- i. *Jika anda tidak menerima polisi insurans selepas satu (1) bulan dari tarikh pembelian, sila hubungi syarikat insurans.*
- ii. *Sila ambil perhatian bahawa had, terma dan syarat seperti yang dinyatakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk manfaat terperinci bagi, had, terma dan syarat. Kandungan Kontrak Polisi akan diutamakan jika terdapat sebarang percanggahan antara Lembaran Pendedahan Produk dan Kontrak Polisi.*

6. Apakah pengecualian penting di dalam polisi ini?

Pengecualian Am terpakai kepada Empunya Rumah & Isi Rumah Seksyen 1 & 2

- a. Peperangan, pencerobohan, pemberontakan, kebangkitan tentera atau orang awam, insureksi, pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa pihak tentera, pemerintahn tentera atau keadaan pengepungan
- b. Tindakan keganasan
- c. Rampasan, pengepungan, perintah atau pemusnahan oleh Kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa perbandaran awam atau tempatan
- d. Bahan senjata nuklear, radiasi mengion atau pencemaran oleh radioaktiviti
- e. Penapaian sendiri, pemanasan semula jadi atau pembakaran sendiri
- f. Kerugian sampingan dalam apa jua bentuk
- g. Hurikan, taufan atau angin ribut terhadap mana-mana bangunan semasa proses pembinaan, pembinaan semula atau pembaikan
- h. Penenggelaman atau tanah runtuh

Liabiliti yang timbul daripada:

- a. Profesion atau perniagaan Pihak Diinsuranskan
- b. Pemilikan, penguasaan atau penggunaan mana-mana lif, kenderaan, kapal atau kraf
- c. Menjalankan pengubahsuaian, penambahan, pembaikan atau hiasan pada premis
- d. Liabiliti kontrak

Pengecualian kepada Seksyen 3 - Semua Risiko

- Haus dan lusuh, penyusutan, kemerosotan beransur, serangga atau daripada sebarang proses pembersihan atau pemulihan mana-mana barang.
- Peperangan, tindakan keganasan, kekecohan awam dan radioaktiviti.
- Rampasan atau penahanan oleh kastam atau pihak berkuasa rasmi lain.
- Kecelaruhan mekanikal & elektrik, calar, pecah kanta atau kaca

Pengecualian kepada Seksyen 4 - Manfaat Liabiliti Peribadi

- Liabiliti ditanggung di bawah kontrak dan/atau perjanjian
- Tuntutan terhadap anda oleh ahli keluarga anda
- Tuntutan yang dibuat oleh pekerja anda atas kemalangan yang timbul semasa bekerja
- Liabiliti berkenaan dengan kerosakan harta yang dipegang di bawah jagaan, kawalan atau jagaan anda
- Liabiliti yang timbul daripada penggunaan kenderaan (selain kenderaan yang digerakkan dengan tangan atau basikal pedal yang tidak digunakan untuk perlumbaan) bot (belayar atau digerakkan secara mekanikal) pesawat atau pesawat model yang dimiliki oleh atau dalam jagaan atau kawalan Pihak Diinsuranskan atau pekhidmatnya.

Had Wilayah - Malaysia dan tempat lain di dunia semasa lawatan sementara tidak termasuk Amerika Syarikat dan Kanada.

Nota:

Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada syarikat. Selepas pembatalan, anda layak mendapat bayaran balik sebahagian premium dengan syarat anda belum membuat tuntutan.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika butir-butir hubungan/peribadi saya bertukar?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada syarikat tentang sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda seperti pertukaran alamat anda supaya kami dapat memaklumkan anda tentang maklumat penting. Anda juga harus memberitahu kami tentang sebarang pengubahsuaian yang dibuat pada bangunan anda termasuk penghunian.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang insurans empunya rumah / isi rumah, sila layari www.insuranceinfo.com.my atau layari laman web kami di AIA.COM.MY. Untuk maklumat lanjut mengenai prosedur tuntutan, sila rujuk laman web AIA.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi AIA General Berhad di:

AIA General Berhad 201001040438 (924363-W)
Menara AIA,
99 Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur.
Care line: 1 300 88 1899
E-mel: my.customer@aia.com

AIA General Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

10. Perlindungan jenis lain yang serupa sedia ada:

Sila hubungi AIA atau ejen AIA untuk jenis perlindungan lain yang sama ditawarkan oleh AIA General Berhad.

NOTA PENTING:

ANDA MESTI MEMASTIKAN BAHAWA HARTA YANG DILINDUNGI DIINSURANSKAN PADA AMAUN YANG BERSESUAIAN. ANDA HARUSLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA General Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Maklumat yang diberikan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah sah pada April 1, 2024.